From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENDIDIKAN ADALAH AMANAH – DEKAN SOIS UUM TITIP AMANAT BUAT 258 PELAJAR BAHARU SEMESTER A261
Date: Sunday, 20 September, 2026 11:51:32 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Rosmiza Ahmad
Gambar oleh: Hazree Hairudin

PENDIDIKAN ADALAH AMANAH – DEKAN SOIS UUM TITIP AMANAT BUAT 258 PELAJAR BAHARU SEMESTER A261



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM) secara rasminya telah menyambut kedatangan seramai 258 pelajar baharu bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2026/2027 (A261) dalam Majlis Suaikenal (MSK) - Sesi Bersama Pusat Pengajian yang berlangsung di Auditorium SoIS, UUM.

Daripada jumlah tersebut, seramai 129 pelajar mendaftar bagi Program Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (Bachelor of International Affairs Management - BIAM) dan 129 pelajar lagi bagi Program Pengurusan Perniagaan Antarabangsa (Bachelor of International Business Management -BIBM).



Pendaftaran kohort baharu ini turut menyaksikan penyertaan seramai 20 pelajar antarabangsa yang berasal dari pelbagai negara seperti Indonesia, China, Thailand dan Uzbekistan.

Dalam ucapan aluannya, Prof. Madya Dr. Nazariah Osman menasihati pelajar agar menerapkan pegangan *"I am responsible for my own success"* serta membudayakan nilai kecemerlangan sepanjang pengajian.

Beliau turut menekankan bahawa pendidikan di peringkat universiti merupakan satu amanah bukan sahaja kepada diri sendiri, malah kepada ibu bapa, masyarakat, dan negara.



"Pengajian di SoIS memberikan pendedahan akademik yang melangkaui sempadan negara. Dunia hari ini memerlukan graduan yang berfikiran kritis, mampu berkomunikasi dengan berkesan, memahami dinamik global, serta bijak beradaptasi dengan perubahan," katanya.

Selain ucapan dekan, majlis turut diisi dengan Taklimat Hal Ehwal Pelajar yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Dr. Wan Nurisma Ayu Wan Ismail, diikuti sesi taklimat khusus akademik bagi program BIAM dan BIBM kepada semua pelajar.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.